

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Biro Politik UMNO akan bersidang

KUALA LUMPUR, Ahad — Biro Politik UMNO akan bersidang penghujung minggu ini membincangkan beberapa perkara penting termasuk kemungkinan pilihanraya umum diadakan April ini.

Naib Presiden UMNO, Datuk Harun Haji Idris ketika mengesahkan, berkata Biro Politik U M N O akan mengadakan sidang 19 Februari ini tanpa mempunyai agenda tertentu.

"Saya tidak tahu apakah akan dibincangkan dalam mesyuarat itu nanti," katanya.

Menjangkit

Bagaimanapun beliau tidak menolak kemungkinan tajuk hangat dibincangkan berhubung dengan pilihanraya umum akan datang.

Biro yang dipengerusikan oleh Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad itu juga dijangka membincangkan pergolakan berlaku da-

lam pemilihan pucuk pimpinan bahagian sekarang ini.

Peristiwa berlaku di Rantau Panjang semasa pemilihan Ketua Bahagian antara Timbalan Menteri Besar, Datuk Hussein Ahmad dengan Encik Hassan Abdullah juga akan dibincangkan.

Tumpuan dijangka akan dibuat sejauh manakah peristiwa seperti itu akan menjangkit ke bahagian-bahagian lain dan cara-cara mengatasi keadaan itu dari berulang lagi.

Ahli-ahli Biro Politik tersebut terdiri dari Timbalan Presiden, Datuk Musa Hitam, Naib Presiden Encik Ghafar Baba, Datuk Harun Haji Idris, Tengku Ahmad Rithauddeen, Setiausaha Agung, Datuk Mustafa Jabar dan Bendahari, Tengku Razaleigh Hamzah.

Pemerhati politik berpendapat keputusan Biro Politik ini merupakan keputusan dihormati oleh komponen Barisan Nasional.